

**CBP Akan Kutip Lebih RM8 Bilion yang Selama Ini Tidak Dibayar, Kata Hamim Bernama
Mei 18, 2014**

TANGKAK, 18 Mei (Bernama) -- Lebih RM8 bilion cukai yang sepatutnya dijelaskan oleh peniaga, pembekal dan pengilang setiap tahun dapat dikutip dengan pelaksanaan sistem cukai barangan dan perkhidmatan (CBP) April tahun depan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Hamim Samuri turut yakin pelbagai taktik yang diguna untuk mengelak daripada membayar cukai selama ini tidak lagi berkesan dengan penguatkuasaan CBP.

Katanya melalui CBP kerajaan dapat mengatasi kelemahan pungutan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dengan menghapuskan cukai bertindih, berganda dan cukai bertingkat yang menjadi punca harga sesetengah barangan menjadi lebih mahal daripada sepatutnya.

"Melalui CBP, jika mereka cuba mengelak membayar cukai, perbuatan mereka pasti akan dapat dikesan," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Ramah Mesra Pemimpin Bersama Rakyat di Kampung Parit Ponorogo, Jalan Muar di sini Ahad.

Sehubungan itu, Hamim yang juga Anggota Parlimen Ledang berkata rakyat tidak perlu bimbang dengan pelaksanaan sistem CBP tersebut kerana cukai berkenaan adalah untuk menjaga kepentingan mereka.

Hamim turut menolak andaian sesetengah pihak bahawa CBP akan menyebabkan kenaikan harga barang.

Pada masa ini katanya, kerajaan menghadapi cabaran yang besar dalam memberi penjelasan kepada rakyat ekoran tindakan pembangkang yang mengelirukan mereka berhubung sistem CBP.

Bagaimanapun usaha sedang dijalankan bagi menangani persepsi buruk yang ditabur oleh pembangkang untuk menghasut rakyat supaya membantah pelaksanaan sistem percukaian tersebut.

"CBP merupakan sistem percukaian terbaik dan ini jelas berdasarkan kepada kajian terhadap 140 buah negara di dunia yang telah melaksanakannya sejak sekian lama," katanya.

Beliau juga meminta rakyat tidak terkeliru dengan dakwaan pembangkang kerana bukan semua barangan dan perkhidmatan dikenakan cukai itu antaranya buku, ubat-ubatan dan syarikat yang mencatatkan pendapatan tahunan kurang daripada RM500,000.

Pelaksanaan CBP berkadar enam peratus diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun

Razak semasa membentangkan Bajet 2014 pada Oktober tahun lepas.

CBP akan menggantikan SST yang pada masa ini berkadar keseluruhan 16 peratus.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1039184>